

BERITA AGRICULTURE FLAGSHIP

Keluaran # 1 – Mac 2010 | Untuk Edaran Dalaman



Fakta Ringkas

Takrifan keselamatan makanan oleh Food and Agriculture Organisation (FAO):

“Food Security exists when all people at all times, have physical and economic access to sufficient, safe and nutritious food to meet their dietary needs and food preferences for an active and healthy life.”

Fakta Nombor

“RM 27 billion ialah nilai import bagi menampung keperluan makanan seluruh negara. Australia dan Indonesia adalah dua sumber utama import bahan makanan negara dengan peratusan 10.9% dan 10.8% pada tahun 2009.”

(Sumber: Ringkasan Perdagangan Luar Negeri Makanan dan Hasil Pertanian Terpilih Januari – Disember 2009)

Menarik dalam isu kali ini!

Sidang Redaksi

Ketua Editor
Khairul Esyani Bin Puasa

Juru Perunding
Nik Ahmad Fakrul Bin Nik Mohamad

Juru Perunding
Zetty Julia Bt. Muhd. Ghawas

Juru Perunding
Razak Bin Idris

Juru Perunding
Rosfazlina Bt. Ahmad Fathi

Pereka Grafik
Dili Mawardi Bin Suleiman

Latar Belakang Projek

Bidang Tumpuan Projek

Jangkamasa Pelaksanaan Projek

Program Quick-Win

Hasil Yang Dijangka

BERITA AGRICULTURE FLAGSHIP

Keluaran # 1 – Mac 2010 | Untuk Edaran Dalaman

Latar Belakang Projek Agriculture Flagship

Oleh Rosfazlina

Projek Agriculture Flagship bermula pada tahun 2008. Artikel ini menerangkan mengenai sejarah Projek Agriculture Flagship daripada permulaannya sehingga penghasilan visi projek.

Tahun 2008 merupakan tahun yang mencabar bagi rakyat Malaysia di mana kenaikan harga minyak mentah dan juga beberapa faktor lain telah menyebabkan harga barang-barang keperluan terutama makanan naik mendadak.



Pada 23 April 2008, Kabinet telah meluluskan Dasar Jaminan Bekalan Makanan (2008-2010) dengan tujuan:

- Meningkatkan pengeluaran dan produktiviti sektor agro-makanan
- Memastikan pengusaha pertanian mendapat pendapatan yang setimpal bagi menjamin pengeluaran bahan makanan tidak merosot
- Memastikan bekalan bahan makanan mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan

Semasa Mesyuarat *MSC Malaysia IAP yang ke-11 pada 16-28 Mei 2008, mantan PM telah menyatakan kebimbangan terhadap kesan peningkatan harga makanan asas kepada bekalan makanan di Malaysia. TPM ketika itu pula menyuarakan kepentingan untuk meningkatkan pendapatan petani. Ahli-ahli IAP telah mencadangkan supaya kerajaan menggabungkan semua inisiatif utama agensi kepada suatu program yang diintegrasikan dan diperkemaskan.

Dengan visi "A sustainable, competitive agro-food sector that ensures national food security and higher farmers' income leveraging on innovation and ICT", pelaksanaan projek dibahagikan kepada beberapa fasa. Pelaksanaannya kini berada di fasa 1.



Agriculture Flagship Framework telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada 3 Februari 2009.

Fakta Mengenai MSC Malaysia Flagship

Multimedia Super Corridor (MSC) telah ditubuhkan pada 1996 dengan tujuan untuk menyemarakkan usaha transformasi negara ke arah ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Empat applikasi yang dipanggil MSC Malaysia Flagship Application telah dibangunkan di bawah MSC iaitu:

MyKad
Smart School
Electronic Government
Telehealth

Idea untuk melaksanakan "Agriculture Flagship" sebagai salah satu MSC Malaysia Flagship Applications terhasil. Dengan perantaraan MoA sebagai peneraju agensi pelaksana, satu jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai agensi di dalam MoA telah ditubuhkan untuk melaksanakan projek ini.



*MSC Malaysia IAP: MSC Malaysia International Advisory Panel

BERITA AGRICULTURE FLAGSHIP

Keluaran # 1 – Mac 2010 | Untuk Edaran Dalaman

Kumpulan Sasar

Oleh **Khairul Esyani**

Selain daripada rakyat Malaysia secara amnya, Projek Agriculture Flagship mempunyai 6 kumpulan sasaran yang utama iaitu:



- **Petani**
- **Nelayan**
- **Penternak Akuakultur**
- **Penternak**
- **Pengusaha Industri Asas Tani**
- **Syarikat Berasaskan Pertanian**

Bidang Tumpuan

Pada Fasa 1, pihak kementerian telah menetapkan untuk menumpukan kepada enam bidang iaitu:

Profiling:

Mewujudkan pusat data yang lengkap dan tepat mengenai semua pihak yang terlibat dalam bidang agro-makanan di Malaysia.

Business Intelligence:

Maklumat yang lengkap mengenai kehendak dan pengeluaran yang membolehkan perbandingan antara kehendak dan permintaan dan kebolehan untuk mewujudkan sistem amaran awal bagi jaminan makanan.

Human Resource Development:

Menghasilkan golongan sasaran yang bijak menggunakan ICT dan meningkatkan kemahiran dan kompetensi bertani



Subsidies & Incentives:

Mengenal pasti dan menggunakan insentif yang bersesuaian untuk membantu kumpulan sasaran utama mencapai tahap pengeluaran yang dikehendaki.

Downstream SME Development:

Mengenal pasti dan mewujudkan keadaan persekitaran yang optimum bagi membangunkan *IKS, dengan sokongan daripada penggunaan teknologi komunikasi dan sistem maklumat

Research, Development, & Technology Transfer:

Menggalakkan perpindahan teknologi yang dapat membantu kumpulan sasaran utama meningkatkan produktiviti mereka.


*IKS: Industri Kecil dan Sederhana

BERITA AGRICULTURE FLAGSHIP

Keluaran # 1 – Mac 2010 | Untuk Edaran Dalaman

Jangkamasa Pelaksanaan Projek (Fasa 1)

Oleh Zetty Julia



Fasa 1 Projek Agriculture Flagship ini dijangka akan mengambil masa selama 18 bulan untuk dilaksanakan sepenuhnya. Projek ini dibahagikan kepada 3 peringkat utama iaitu:


- Flagship Applications Blueprint Development: Proses penghasilan pelan induk yang akan memperincikan strategi pelaksanaan Projek Agriculture Flagship yang merangkumi dimensi sumber manusia, proses, sistem, dan urustadbir.
- Procurement Management: Proses mengeluarkan tender, penilaian respon vendor-vendor, dan perlantikan vendor untuk membangunkan AIS.
- System Development: Proses pembangunan AIS yang termasuk aktiviti pembangunan dan ujian, latihan, dan operasi.

Pada masa yang sama, program Quick-Win juga akan dijalankan. Program Quick-Win dibahagikan kepada dua peringkat dan dijangka mengambil masa selama 12 bulan untuk dilaksanakan sepenuhnya.

Program Quick-Win (QW)

Oleh Nik Fakrul

Sebanyak 7 program Quick-Win telah dikenalpasti untuk dilaksanakan di mana pelaksanaan program Quick-Win peringkat pertama telah pun bermula. Tujuan utama program Quick-Win ini ialah untuk membangunkan prototaip yang dapat memberikan faedah awal kepada kumpulan sasaran sebelum AIS dibangunkan sepenuhnya.




BERITA AGRICULTURE FLAGSHIP

Keluaran # 1 – Mac 2010 | Untuk Edaran Dalaman

Carta Organisasi Projek

Penggerak Projek Agriculture Flagship terdiri daripada berbagai jabatan dan agensi, serta pihak juru perunding.



Faktor Kejayaan Agriculture Flagship

Oleh Razak Idris

Kejayaan Projek Agriculture Flagship adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut:

- Penyertaan aktif dari semua pihak yang terlibat dalam setiap aktiviti projek
- Kesiediaan kakitangan MoA dan agensi untuk menerima dan menggunakan teknologi baru
- Komitmen yang tinggi daripada kakitangan MoA dan agensi untuk melaksanakan polisi dan prosedur baru

Hasil Yang Dijangkakan Daripada Agriculture Flagship

Antara faedah-faedah yang diperolehi daripada pembangunan AIS adalah seperti berikut:

Kumpulan Sasar	MoA
Capaian yang berterusan dan bertambah terhadap perkhidmatan MoA melalui pelbagai saluran penyampaian perkhidmatan	Capaian kepada data yang boleh digunakan, terkini, dan <i>real-time</i> .
Mempercepatkan hasil pengeluaran melalui pemindahan teknologi	Menyediakan platform kerjasama antara agensi dalaman dan luaran MoA.
Melahirkan individu dan organisasi yang lebih berdaya saing, celik teknologi, dan berpengetahuan	Memperkemas proses-proses yang berkaitan
Kebolehcapaian maklumat yang tinggi dan terkini	Menambahbaik komunikasi antara jabatan dan agensi di bawah MoA.
<i>Traceability</i> yang lebih efisien	Kebolehan untuk membuat keputusan dengan cepat
Mempertingkatkan kerjasama antara kumpulan sasaran dan MoA	Meningkatkan profil MoA, jabatan, dan agensi sebagai sebuah organisasi yang terbuka dan canggih IT

Pertanyaan / Komen

Kami sentiasa mengalu-alukan sebarang pertanyaan ataupun komen. Sila kemukakan pertanyaan atau komen anda kepada:

Nama: Razak Bin Idris
Alamat: Bilik Urusetia Agriculture Flagship,
Ketua Komunikasi Korporat,
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,
Aras 1 Wisma Tani Lot 4G 1, No.28 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62624 Putrajaya.
No. Telefon: 03-8870 1766
Email: razak@msctc.com.my
No. Fax: 03-8888 6953

Perbincangan Dalam Isu Seterusnya

Mengenali AIS

Laporan aktiviti yang telah dijalankan

Aktiviti Change Management Projek
Agriculture Flagship